

# Jangan sampai rakyat pilih parti lain

UM 18 JUN 2003

**K**UALA LUMPUR 17 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa perebutan kuasa di peringkat bahagian boleh menyebabkan rakyat memilih parti selain UMNO pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua pemimpin peringkat bahagian perlu mengelak sebarang bentuk perebutan kuasa, sebaliknya mengamalkan sikap positif yang boleh menentukan kemenangan UMNO dalam pilihan raya umum.

Beliau menegaskan, pemimpin peringkat itu yang gagal mengamalkan sikap sedemikian akan merosakkan parti sekaligus menyebabkan UMNO tewas dalam pilihan raya.

“Sebagai pemimpin mereka mesti menentukan kemenangan kepada parti dan mereka perlu mempunyai sikap yang sesuai dengan kepimpinan yang boleh membawa kemenangan kepada parti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-57 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Taklimat itu dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT), Exco-exco Pemuda, Wanita dan Puteri; ketua, timbalan ketua, naib ketua dan setiausaha bahagian serta ketua Pemuda, Wanita dan Puteri dari 165 bahagian di seluruh negara.

Dr. Mahathir berkata, setiap pemimpin bahagian perlu menyedari bahawa kedudukan di peringkat bahagian bukan untuk kepentingan diri.

Sebaliknya, tegas beliau, pemimpin di peringkat berkenaan diberi tanggungjawab untuk menentukan kemenangan parti dalam pilihan raya.

“Seseorang pemimpin bukan menentukan kedudukan dirinya, tetapi menentukan dia memimpin parti ke arah kemenangan parti,” tegasnya.

Perdana Menteri yakin parti tidak akan mempunyai masalah perpaduan jika mempunyai pemimpin yang baik.

Dr. Mahathir turut menjejaskan, perebutan kuasa tidak akan berlaku jika seseorang pemimpin itu menunjukkan

daya kepimpinan yang tinggi di samping sikap positif yang dihargai rakyat.

“Kalau dia seorang pemimpin yang baik, akan ada perpaduan dalam parti. Kepimpinan yang baik, tidak akan ada perebutan kuasa,” jelasnya.

Dr. Mahathir memberitahu, para pemimpin UMNO perlu diberi ingatan berulang kali bagi mengelakkan mereka daripada terlupa terhadap tanggungjawab sebenar mereka kepada parti.

“Adalah baik untuk diulang selalu kerana kita selalu terlupa. Adakah anda ingat apa yang saya katakan 10 tahun lalu. Anda terlupa, jadi saya kena ulang sekali lagi,” tambahnya.